

# JHEP anjur Bengkel Penulisan Puisi/Sajak 2018

UB 15.11.2018 B2

**KOTA KINABALU:** Bahagian Kebudayaan dan Kesenian di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan

Bengkel Penulisan Puisi/Sajak bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun ini.

Seramai 40 orang peserta dalam kalangan mahasiswa

mahasiswi UMS menyertai bengkel berkenaan.

Bengkel Penulisan Puisi/Sajak ini adalah program yang membantu melahirkan bakat-bakat baharu serta

dapat memperkukuhkan pengetahuan pelajar IPT dan penggiat puisi/sajak yang sangat bergiat aktif ketika ini.

Selain itu, peserta juga dapat mempelajari kaedah dan ilmu baharu bagi mencungkil daya kreativiti masing-masing dengan pendedahan kepada gaya berkarya terkini.

Bengkel ini dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Pensyarah Kanan dari Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan Dr Mohammad Puad Bebit.

**PESERTA bengkel menyampaikan sajak.**

